

TYT Terima Ijazah Kehormat

Oleh: Nurul Shaidatul Ain Mohd Tahir

SELASA, 18 Mac – Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin telah menerima Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang Cancelor UMS yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah.

Anugerah tersebut diberikan kepada TYT oleh Naib Cancelor University of Wolverhampton iaitu Profesor Geoff Layer. Hal ini kerana, TYT merupakan Alumni UoW dengan menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) semasa menuntut di universiti tersebut.

Penganugerahan tersebut telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran para pensyarah dan pelajar. Kehadiran para hadirin telah memenuhi Dewan Cancelor yang tersergam indah itu.

Antara yang menghangatkan suasana majlis adalah apabila tayangan sejarah hidup TYT yang ditayangkan kepada hadirin sejak dari muda sehinggalah sekarang. Tayangan tersebut memberi peluang kepada hadirin untuk mengenali TYT secara tidak langsung.

Selain Majlis Konvokesyen, ia juga merupakan permulaan persahabatan antara UoW dengan UMS. Hal ini dinyatakan oleh Profesor Geoff Layer dalam ucapannya iaitu “Hari ini merupakan sambutan persahabatan istimewa di antara University of Wolverhampton dengan Universiti Malaysia Sabah, dan saya gembira berada di sini di Universiti Malaysia Sabah sebagai rakan kongsi yang dipercayai dan signifikan,” katanya ketika berucap di majlis Konvokesyen itu.

Menurut Profesor Geoff, pada tahun 2013 kedua-dua buah universiti ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk membangunkan perkongsian dalam tiga aspek iaitu pertukaran pelajar, peluang penyelidikan dan pendidikan transnasional.



Penyerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin oleh Naib Cancelor UoW Profesor Geoff Layer.

MOU tersebut merupakan contoh baik yang menunjukkan bagaimana kerjasama itu telah mengukuhkan hubungan dua buah universiti antarabangsa dan membangunkan negara.

“Kami sedang berusaha untuk memperbaiki akses kepada pendidikan yang lebih tinggi melalui penajaan aspirasi dan pencapaian untuk pelajar sekolah dan dewasa. Kami juga akan merasmikan Akademi Antarabangsa UK tahun ini yang akan memberi tumpuan kepada menyediakan kajian asas dan kursus pra-kemasukan untuk pelajar antarabangsa.” Katanya ketika berucap.

Perjanjian yang dimeterai telah memberikan kebaikan antara kedua-dua universiti sekaligus merapatkan hubungan antara universiti tempatan dengan antarabangsa.